

# Atasi demam denggi

## Tabiat nyamuk Aedes

- Dikenali dengan kakinya yang berbelang hitam putih.
- Hanya menggigit pada waktu pagi dan senja.
- Membiak dalam air jernih yang bertakung di dalam dan luar rumah.
- Kitaran hidup Aedes iaitu dari telur, jentik-jentik, kepompong dan bertukar menjadi nyamuk dewasa hanyalah satu minggu.

## Tanda demam

- Demam kuat secara mengejut dan berterusan.
- Ruam merah pada kulit.
- Sakit teruk pada tulang, otot, sendi, mata dan kepala.
- Hilang selera makan.
- Muntah-muntah.
- Sakit perut.
- Pendarahan pada badan, hidung dan mulut.



## Kawalan pencegahan

### A. Hapuskan tempat pembiakan

- Tutup semua bekas menyimpan air.
- Salin, basuh dan berus hingga bersih pasu bunga, alas pasu, kolah dan
- semua tempat takungan air.
- Bersihkan saluran air hujan.
- Jangan biarkan halaman anda ada bekas yang boleh menampung air.
- Tanam semua bekas yang boleh menampung air.
- Masukkan ubat pembunuh jentik-jentik (abate) mengikut sukatan ditetapkan iaitu 10 gram bagi 20 gelen (91 liter) air setiap tiga bulan.

### B. Hapuskan nyamuk dewasa

- Gunakan racun serangga di rumah.
- Pasang jaring serangga pada tingkap.
- Semburan kabus (dilakukan pihak berkuasa tempatan).

